

Skim gaji progresif

# Galak syarikat untung besar naik gaji pekerja

Firma perlu beri bayaran setimpal kepada kakitangan swasta

Oleh Izwan Abdullah  
bhnews@bh.com.my

**Penampang:** Skim gaji progresif akan digunakan untuk menggalakkan syarikat yang mencatat keuntungan besar bagi menaikkan gaji pekerja swasta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata syarikat yang mencatat untung besar perlu memberikan gaji yang setimpal kepada pekerja mereka.

"Kita ada skim gaji progresif untuk mendesak syarikat yang untungnya ratusan juta. Janganlah tak nak naikan gaji pekerja. Untung satu tahun RM1 bilion, tapi gaji pekerja hanya RM1,800, RM2,000.

"Sebab itu, saya nak tekan, MADANI (maksudnya) bukan sahaja ada kemampuan, pertumbuhan ekonomi, tapi MADANI juga ada ihsan, ada sifat kasih sayang. Kita mahu orang kerja biarlah upah itu baik.

"Saya sengaja terangkan perkara ini di Sabah kerana ini meletakkan kita berbeza dengan dasar lampau," katanya ketika merasmikan Karnival Hari Penaja dan Peniaga Kecil Peringkat



Anwar diiringi Hajiji (kanan) dan Ewon (tengah) merasmikan Karnival Hari Penaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan 2023 di Donggongon, Penampang, semalam. (Foto bernama)

Kebangsaan 2023 di Donggongon, di sini, semalam.

Yang turut hadir Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor; Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Armizan Mohd Ali.

Sementara itu, Anwar meminta rakyat tidak mendengar hujah pihak tertentu mempertikai peruntukan yang diberikan kepada Sabah dan negeri lain menerusi

belanjawan Kerajaan Persekutuan.

Beliau berkata, rakyat tidak perlu mendengar hujah ahli politik yang tidak mengikut fakta kerana itu lebih cenderung kepada sentimen sendiri untuk menarik sokongan.

Katanya, ada kenyataan yang diputar belit termasuk berkaitan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang sudah diambil tindakan dalam tempoh setahun di bawah Kerajaan Perpaduan.

"Ada yang tanya, kenapa peruntukan di Sabah ini kurang. Ada yang kata termasuk beberapa ahli Parlimen dan bekas

tokoh negara yang mengatakan Pulau Pinang lebih tinggi dari Sabah.

"Saya nak minta saudara-saudara jangan dengar hujah orang politik yang tidak ikut fakta, orang politik ini kadang-kadang mengikut sentimen dia untuk tarik sokongan rakyat bawah.

"Ada yang putar belit fakta. Jadi, saya nak terangkan adakah perlu kita menilai dan melaksanakan MA63? saya jawab kita akan laksanakan dan apakah sudah kita laksanakan? Kita ambil tindakan dalam satu tahun, lebih baik daripada 10 tahun oleh kerajaan sebelumnya," katanya.